

Greenpeace Malaysia Menggesa untuk Ketelusan Data dalam Belanjawan Negara, Bukan ‘Greenwashing’

Kuala Lumpur - Adakah Bajet 2024 akan digunakan dengan berkesan untuk menangani keimbangan keselamatan awam berhubung dengan perubahan iklim? Komunikasi yang lebih baik mengenai butiran-butiran dalam rancangan Bajet 2024 adalah penting untuk wacana awam yang kukuh mengenai apa yang Malaysia memerlukan untuk bergerak ke hadapan. Untuk mencapai matlamat ini, rakyat Malaysia memerlukan akses kepada maklumat dan ketelusan data untuk meningkatkan akauntabiliti kerajaan terhadap kemajuan dan kesan inisiatif mereka. Persoalannya menjadi perhatian Greenpeace Malaysia apabila kerajaan mengumumkan bahawa hampir 4.3% daripada peruntukan belanjawan menjurus kepada tindakan alam sekitar dan iklim, manakala perbelanjaan sebahagian besarnya tertumpu kepada pembaikan dan insentif, bukannya untuk penyelesaian berasaskan alam semula jadi dalam mitigasi iklim.

Beberapa perkara yang memerlukan penelitian awam termasuk:

- **Persediaan untuk pembanjiran**

Walaupun peruntukan bantuan untuk komuniti terdedah termasuk petani dan nelayan, serta pembaikan cerun dan penyelenggaraan saliran dipuji, kerajaan gagal menekankan pembiayaan alternatif seperti mekanisme pemindahan risiko bencana atau penyelesaian berasaskan alam semula jadi seperti pemulihian ekologi dalam kawasan-kawasan yang mempunyai risiko perubahan iklim yang tinggi.

- **Penangkapan dan Penyimpanan Karbon (CCS) dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR)**

Di dalam bajet 2024, kerajaan telah menekankan penggunaan CCS, seperti yang dinyatakan di dalam NETR. Walaubagaimanapun, teknologi sedemikian mesti dipertimbangkan sebagai langkah untuk menghentikan penggunaan bahan api fosil secara berperingkat, dan hanya diiktiraf sebagai mempunyai peranan yang minimum dalam penyahkarbonan sektor tenaga. Pergantungan yang berlebihan pada CCS akan mengakibatkan persepsi bahawa sumber bahan api fosil yang tidak boleh diperbaharui seperti arang batu, gas asli, petroleum dan gas, harus kekal dalam campuran tenaga negara kita pada tahun-tahun hadapan, bahkan melampaui sasaran bersih sifar 2050. Di sebalik bergantung kepada teknologi CCS untuk mengurangkan pelepasan karbon daripada industri minyak dan gas sedia ada, kerajaan harus meneroka pendekatan alternatif seperti tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga bagi penyelesaian jangka panjang yang berdaya maju dalam peralihan tenaga yang bertanggungjawab, demokratik dan mampan. Sebagai ahli [Climate Action Network \(CAN\)](#), Greenpeace Malaysia tidak menganggap CCS sebagai penyelesaian yang lestari dalam usaha kerajaan untuk mengurangkan pelepasan karbon dan mengurangkan purata suhu global.

- **Inisiatif minyak sawit mampan**

RM70 juta telah diperuntukkan untuk inisiatif minyak sawit mampan, termasuk untuk kempen memerangi

GREENPEACE

persepsi negatif di peringkat antarabangsa. Kami bimbang dana ini akan digunakan untuk '*greenwashing*' dan bukannya meningkatkan prestasi minyak sawit lestari Malaysia dalam hal penebangan hutan, pemuliharaan tanah gambut atau pemulihan tanah gambut. Meningkatkan teras kemampunan minyak sawit Malaysia dengan membantu pekebun kecil dan memegang syarikat yang berkemampuan dari segi kewangan kepada piawaian kemampunan yang lebih ketat mengikut dasar Tanpa Penebangan Hutan, Tanpa Tanah Gambut dan Tanpa Eksplotasi (NDPE) akan mencapai keputusan yang sama dalam memerangi persepsi negatif di peringkat antarabangsa. Ia juga akan memenuhi keperluan ketekunan wajar Peraturan Kesatuan Eropah mengenai Produk Bebas Penebangan Hutan (EUDR) sambil menyediakan hujah berdasarkan data kepada syarikat dan kerajaan Malaysia untuk menentang pengkategorian sebagai negara berisiko tinggi (Perkara 29).

- **Sukuk Biodiversiti dan mengimbangi jejak pelepasan karbon**

RM1 bilion telah dianggarkan untuk Sukuk Biodiversiti yang melibatkan penanaman semula hutan yang terdegradasi sebagai insentif kepada syarikat untuk menyertai Pasaran Karbon Sukarela (VCM) untuk menjana kredit karbon atau mengimbangi jejak pelepasan karbon mereka. Kerajaan akan memberi insentif kepada syarikat yang terlibat dalam Pengukuran, Pelaporan dan Pengesahan (MRV) bagi projek karbon, pastinya sebagai usaha meningkatkan projek dan kredit karbon yang dijual di Bursa Karbon Malaysia (BCX). Walau bagaimanapun, inisiatif mengimbangi jejak pelepasan karbon seperti penanaman pokok untuk menjana kredit karbon merupakan seperti '*greenwashing*', kerana ia memberi insentif kepada komodifikasi alam semula jadi, sambil mengalih perhatian daripada kemasuhan ekosistem serta bertindak sebagai lesen untuk syarikat terus mencemarkan alam melalui pelepasan pemusnahan iklim. Pengimbangan karbon adalah bertentangan dengan tindakan konkret yang terbukti untuk mengurangkan pelepasan. Di samping itu, maklumat tentang perluasan tanah hutan dan projek penghutanan semula atau penanaman semula tidak diterbitkan secara langsung di beberapa laman web kerajaan negeri untuk kebolehcapaian awam bagi memantau garis masa, kemajuan dan hasil program penanaman pokok pemuliharaan hutan ini.

Kami memerlukan ketulusan data dan komunikasi awam untuk melibatkan pemahaman orang ramai mengenai inisiatif yang dicadangkan semasa pengumuman Bajet 2024. Sebagai tambahan kepada dasar konkret yang benar-benar memberi insentif kepada perniagaan untuk mengusahakan projek pemuliharaan, kerajaan harus terus menyelaraskan dengan peralihan yang adil dan menjauhi daripada pergantungan kita pada industri yang tidak mampan dan merosakkan iklim seperti industri bahan api fosil. Ini termasuk mewujudkan laluan baharu untuk 'pekerjaan hijau' seperti cadangan renjer hutan.

-TAMAT-

Hubungan media

Yvonne Nathan, Greenpeace Malaysia Digital and Media Campaigner | yvonne.nathan@greenpeace.org | +6017 662 8306